

KONSEP DAN ETIMOLOGI ULAMA: SATU KAJIAN DI ALAM MELAYU

Izzah Naqibah binti Kamis
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Brunei Darussalam
naqibah.kamis@gmail.com

Abstrak

Etimologi Ulama yang disebut dalam al-Quran memberikan maksud bahawa ulama memiliki status yang sangat penting dan disebut di dalam al-Quran. Selain ulama, beberapa etimologi yang sinonim kepada perkataan ulama juga di disebut di dalam al-Quran seperti al-‘Alimun, Ulu al-Albab, Ulu al-‘Ilm telah dibahas oleh para cendekiawan. Apabila para ulama menyebarkan Islam di Alam Melayu, masyarakat yang pada dulunya mengamalkan kehidupan animisme telah berubah kepada pengamalan ajaran Islam. Penyebaran Islam yang dilakukan oleh para ulama ini telah tersebar ke beberapa buah tempat di Alam Melayu seperti Borneo, Kepulauan Jawa, Patani dan sebagainya. Bagi mengormati para ulama, beberapa etimologi baru yang merujuk kepada makna ulama, seperti Kyai, Teungku, Khatib, Imam, Tuan Guru dan sebagainya juga telah terbentuk dan digunapakai di Alam Melayu. Akibatnya, ketidakseragaman etimologi ini telah menimbulkan kesukaran bagi penyelidik dalam meneliti perkara tersebut. Justeru, kajian ini memfokuskan dengan meninjau konsep mengenai ulama dan punca ketidakseragaman etimologi-etimologi ulama di Alam Melayu.

Kata kunci: Konsep, Etimologi, Ulama, Alam Melayu

Konsep Ulama

Perkataan ulama adalah berasal dari Bahasa Arab dan ia merupakan bentuk jama' taksir. Ia berasal dari kata 'alima-ya'lamu-'ilman, yang bermaksud, orang yang memiliki ilmu yang mendalam, luas dan mantap. Etimologi ulama ini telah disebutkan dalam Surah Fathir, ayat 28 yang bermaksud:

“Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata, dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambanya, hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.”

Pentafsiran etimologi ulama ini begitu banyak dibicarakan oleh para cendekiawan seawal abad ke 6 masihi. Antaranya, Ibnu Mas'ud telah mentakrifkan bahawa orang yang alim ialah orang yang banyak khassiyah atau takut kepada Tuhan (Hamka; 2012; 5931).

Pendapat ini juga sama dengan Ibnu Abbas, Imam Mujahid, Hasan al-Basri dan Imam Malik.

Sekitar abad ke 8 masahi, etimologi ulama juga telah berkembang. Sufyan at-Thawari mentakrifkan bahawa ulama itu ada tiga macam, namun takrif yang pertama, iaitu, alim yang mengenal Allah dan mengenal perintah Allah lebih mendekati kepada etimologi ulama.

Kemudian pada abad ke 11 masihi, Imam al-Ghazali juga mentakrifkan ulama dari satu sudut pandang yang baru, iaitu, membahagikan ulama kepada dua; Pertama: ulama dunia, yang bermaksud; ilmunya yang hanya tertumpu kepa dunia bagi mencapai kedudukan dan jabatan. Kedua: Ulama akhirat, iaitu mempunyai beberapa kriteria yang diambil berat dari pelbagai sudut; dari segi diri dan akhlak penuntut ilmu, jenis ilmu yang dipelajari sehingga tujuan mempelajari ilmu tersebut. (Anuri Furqon Hadi; 2012; 165)

Daripada pentakrifan ulama kepada sifat takutnya kepada Allah, pentakrifan ulama mengalami beberapa penambahan dan perubahan. Contohnya, sekitar abad ke 12, Ibn al-Jawzi telah mentakrifkan bahawa ulama adalah orang yang berilmu dengan segala disiplin ilmunya, seperti para Qari', ahli Hadith, ahli Fiqh, ahli al-wu'az dan ahli Qisas (para penasehat dan penutur kisah), ahli al-Lughah dan para al-Shu'ara (Yayuk Fauziah; 2010; 165).

Namun, penyempitan etimologi ulama ini terjadi apabila dibahas oleh beberapa cendekiawan seperti Hiroko Horikoshi (1987; 36) yang menyatakan bahawa:

“Ulama adalah sekelompok sarjana hukum Islam yang secara tradisional berfungsi sebagai muballigh, guru dan tempat bertanya umat Islam dan khalifah. Secara teoritis peranan mereka sebagai ahli hukum Islam ortodoksi menjamin praktek-praktek keagamaan para penganut dan persoalan-persoalan kenegaraan sesuai dengan shari'ah Islam. Dalam kehidupan masyarakat local, wilayah kekuasaan ulama biasanya dibatasi pada lembaga-lembaga Islam semacam masjid dan madrasah, di mana mereka mengabdikan sebagai fungsionaris agama.”

Selain itu, H. Munawar Chalil, Muhammad Abu Bakar, Hasan Hj Idris dan lain-lain mengatakan bahawa:

“Ulama adalah mereka yang berkebolehan dalam ilmu agama atau sebahagian daripada ilmu agama, yang dapat memahami kitab-kitab agama dan kitab-kitab yang ada kaitan dengannya, dan dapat pula mengajar kitab-kitab itu dengan cara atau kaedah tertentu yang boleh mengeluarkan fahaman atau hukum secara teliti dalam sesuatu masalah, serta beramal dengan ilmunya, melaksanakan ajaran-ajaran sekadar yang terdaya. Ulama juga dikenali sebagai orang alim dan tuan guru.”

Sempitnya etimologi ulama adalah disebabkan idealogi sekular Barat yang menyerang sistem pemerintahan Raja-Raja di Alam Melayu sekitar abad ke-19 dan 20, yang mana pada masa itu sistem Residen mula diperkenalkan. Melalui surat perjanjian yang termetraikan antara pihak Barat dan Raja-Raja Melayu, Raja-raja hanya berhak dalam urusan ugama dan adat sahaja. Ironinya, bukan sahaja dalam pentadbiran, malahan kesemua segi termasuk pendidikan. Hasilnya kefahaman masyarakat mengenai ulama terbentuk secara sempit lebih-lebih lagi selepas penerimaan sistem Residen, tugas dan peranan ulama dalam kerajaan telah dihadkan kepada bidang ugama sahaja (Khoo Kay Kim; 1991; 1-2)

Peranan Ulama

Pada dasarnya peranan ulama mencakupi ketiga buah aspek iaitu berkaitan dengan masyarakat, pemerintah dan negara. Sejarah merakamkan bagaimana mereka menebarkan bakti dengan mengajarkan pelbagai disiplin ilmu kepada masyarakat sesuai dengan hadith Rasullullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang menggambarkan para ulama adalah pewaris para Nabi. Selain itu, kedekatan hubungan para ulama dan pemerintah juga teserlah bilamana ulama memainkan peranan sebagai penasihat kepada raja atau sultan dalam aspek pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang Islam disamping menjadi pengantara hubungan pemerintah dan rakyat. Hubungan yang baik antara ketiga pihak ini akan membentuk satu negara Islam yang taat kepada perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Kepelbagaian Etimologi Ulama Di Alam Melayu

Apabila penyebaran Islam dilakukan oleh para pendakwah di Alam Melayu, secara tidak langsung sebahagian perkataan bahasa Arab telah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Beberapa perkataan telah digunakan bagi merujuk kepada maksud ulama. Antaranya, Kiyai, Tuan Guru, Baba, Teuku, Imam, Khatib, Mudim dan sebagainya.

Etimologi bagi setiap perkataan pada kebiasaannya disesuaikan dengan tempat dan kebudayaan masyarakat. Etimologi Kiyai lebih meluas digunakan di kawasan Indonesia, khususnya Jawa, (Nursukma Suri; 2004; 2) manakala Baba digunakan di kawasan Patani. Etimologi Tuan Guru atau Tok Guru digunakan di Malaysia, Nusa Tenggara dan Kalimantan; (Nursukma Suri; 2004; 2) dan Teuku digunakan di kawasan Aceh.

a) Imam

Imam adalah perkataan yang diambil dari bahasa Arab, berbentuk isim yang bermaksud pemimpin (Almaany; 2010). Menurut kamus Indonesia pula perkataan imam adalah merujuk kepada pemimpin dalam solat (Tadkiroatun Musfirah; 2004; 48). Gelaran imam ini kebiasaannya diberi kepada ulama-ulama besar yang bertaraf tinggi, seperti Imam al-Ghazali, Imam Malik, Imam Syafi'i, Imam Hanbali, Imam Hanafi dan sebagainya. Etimologi Imam juga digunakan khas mengikut bidang atau aliran tertentu. Misalnya, dalam tokoh-tokoh Mazhab Syafi'i, al-Imam bermaksud Imam al-Haramain al-Juwayni . Di Alam Melayu pula, walaupun terdapat jawatan imam diseluruh Alam Melayu, hanya beberapa ulama sahaja yang diberikan gelaran Imam. Antaranya; Syeikh Muhammad Shalil bin Umar as-Samarani (Semarang) yang diberi gelaran Imam Ghazali Shaghir (Wan Mohd. Saghir; 17), Syeikh Nawawi al-Bantani yang digelar sebagai Imam Nawawi Tsani (Wan Mohd. Saghir; 49) dan Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (Wan Mohd. Saghir; 130). Tidak ketinggalan beberapa ulama Brunei juga dikurniakan gelaran imam, seperti Imam Yaakub dan Pehin Datu Imam Haji Mokti bin Nasar.

b) Khatib

Secara etimologi, khatib adalah perkataan dari bahasa Arab, berbentuk isim fa'il yang diambil dari kata kerja **خَطَبَ**. Secara umumnya, khatib bermaksud orang yang menyampaikan khutbah di masjid (Almaany; 2010). Perkataan khatib ini juga telah digunakan secara meluas di Alam Melayu samada ia berbentuk jawatan mahupun gelaran. Adapun sebutan dan ejaan 'khatib' juga

berbeza mengikut masyarakat setempat. Sebahagian tempat di Indonesia menggunakan ejaan 'ketib' (Ahmad Adaby Darban; 2004; 30; Donny Khoirul Aziz; 2013; 281).

c) Kadhi

Kadhi pula adalah perkataan yang disadur dari bahasa Arab, berbentuk isim fa'il yang diambil dari kata kerja *قَضَى*. Beberapa kamus terjemahan Arab-Melayu memberi takrif bahawa etimologi kadhi sama seperti etimologi hakim. Namun dalam bahasa Indonesia, etimologi kadi, iaitu hakim yang mengadili menjurus kepada perkara yang bersangkutan paut dengan agama lebih sempit daripada etimologi hakim, yang mencakupi hal agama dan bukan agama. (M.Nasri Hamang; 2003; 3) Sekarang, penggunaan etimologi kadhi sudah digantikan dengan etimologi hakim di beberapa buah tempat seperti Kedah dan Brunei Darussalam.

d) Mudim

Etimologi mudim membawa maksud yang pelbagai di Alam Melayu, tertakluk kepada tempat dan kebudayaan masyarakat masing-masing. Selain itu, sebutan dan ejaan juga mempunyai sedikit perbezaan. Antara ejaan yang dikenalpasti dan digunapakai di Alam Melayu ialah; mudim, modin, mudin. Merurut Kiai Bisri Mustofa, etimologi Mudin/Mudim/ Modin diambil dari kalimah 'Imamuddin'(Dayanti F; 2017;26). Bagi masyarakat Melayu di beberapa buah tempat seperti Malaysia dan Aceh perkataan mudim juga merujuk kepada tukang khitan atau bersunat. (Mohd Mustafa, Marliana, Syaripah; 2017; 159) Namun bagi masyarakat Indonesia, selain tugas mudim sebagai muazzin, mereka juga bertanggungjawab dalam urusan pernikahan, kematian dan juga dalam bidang keugamaan, mengikut tempat-tempat tertentu.(Dayanti F; 2017;25-26).

Etimologi Imam, Khatib, Kadhi Dan Mudim

Etimologi Imam, Khatib, Kadhi dan Mudim sudah sebatu dengan masyarakat Brunei Etimologi-etimologi tersebut dianugerahkan atas titah perkenan Sultan-Sultan Brunei. Ia juga membawa makna atau peranan yang sedikit berbeza berbanding dengan masyarakat yang lainnya di Alam Melayu. Mereka yang dianugerahkan gelaran-gelaran tersebut akan melaksanakan tugas seperti yang telah digarispandukan oleh Kerajaan Brunei. Kebiasaanya gelaran-gelaran tersebut dikekalkan hingga akhir hayat mereka.

Tugas para imam, khatib, kadhi dan mudim pada kebiasaannya merangkumi dalam bidang keugamaan. Bagi jawatan imam, mereka bertugas sebagai sebagai hakim yang berkaitan dengan hukum syarak. Selain itu, mereka bertugas sebagai imam besar atau imam masjid, mengaturkan hal-ehwal ugama, membaca khutbah pada hari raya fitrah dan haji (jika Sultan hadir) dan menjadi ketua khatib-khatib.

Adapun tugas khatib adalah menjadi pembaca khutbah pada tiap-tiap solat Jumaat dan menjadi imam masjid secara bergilir.

Manakala tugas mudim ialah, menjadi muazzin pada setiap hari Jumaat dan solat-solat fardhu secara bergilir. Mudim juga ditugaskan menjalankan urusan yang bersangkutan paut dengan keugamaan di rumah wazir-wazir dan cheteria-cheteria, membaca doa dalam majlis dan membacakan chiri. (Haji Yahya Haji Ibrahim; 2000; 74-76)

Walaupun kadhi tidak disebutkan secara meluas dalam Silsilah Raja-Raja Brunei mahupun dalam gelaran-gelaran yang disampiri oleh ulama Brunei namun ia tetap memainkan peranan yang penting di Negara Brunei Darussalam, iaitu menjalankan keadilan bagi segala permasalahan yang timbul.

Sebahagian tugas-tugas mereka tidak hanya merangkumi dalam bidang keagamaan bahkan mencakupi ke bidang pentadbiran. Antara lain, menjadi saksi dalam perjanjian antara pembesar-pembesar Brunei dan Sultan Abdul Momin pada 20 Februari 1885. Perjanjian ini disaksikan oleh Datu Imam Haji Abdul Hakim dan Khatib Muhammad Abdul Rahman.

Etimologi Ulama Brunei Dalam Sahifah Nadir

Kewujudan etimologi-etimologi tersebut muncul seawal abad ke-10, apabila Raja Bo Ni yang bernama Xiang Da mengirinkan utusan yang bernama Shi Nu (Syeikh Noh), Pu Ya Li (Abu Ali) dan Pan Guan Ge Xin (Kadhi Kasim) untuk membawa surat dan barang-barang ufti ke China pada tahun 977 Masihi (Pusat Sejarah Brunei; 2010; 75-76) .

Kemudian pada tahun 1556 masihi, etimologi casizes yang bermaksud kadhi, telah ditulis oleh Padre Baltazar ketika beliau mengutus surat kepada saudaranya Jesuits di Portugis. Antara isi kandungan surat tersebut:

“ ...namely, in ships owned by the Portugese there have been used to sail even up to now Moorish casizes of the sect of Mafamede, and under the pretext of being merchants and bringing their merchandise there, they remained in heathen lands, where by the laxity and vices of their pernicious sect they have led many countries and kingdoms of these parts to become Moors.... ”
(Robert Nicoll; 2007; 36)

Seterusnya, Antonio de Morga dalam karyanya *Sucesos de las Islas Filipinas* yang dikarang pada tahun 1609 telah menceritakan keadaan aktiviti dakwah Brunei ke kawasan Kepulauan Filipina pada tahun 1560. Terdapat sedikit perbezaan etimologi kadhi dalam bentuk tulisan, iaitu antara casizes dan gazizes, namun mempunyai maksud yang sama.

“...these Borneans are Mahometans, and were already introducing their religion among the natives of Luzon, and were giving them instructions of Luzon, and were them instructions, ceremonies, and the form of observing their religion, by means of certain gazizes (kathis), whom they brought with them.” (Robert Nicoll; 2007; 37)

Bebeza pula dengan etimologi kadhi yang digambarkan oleh Dr. Francisco de Sande dalam karyanya *The Expeditions to Borneo, Jolo and Mindanao*, menggambarkan bahawa pada tahun 1578, kadhi atau khatib dari Borneo menjalankan dakwah mereka di kawasan Balayan, Manila, Mindoro dan Bonbon.

“...likewise in the other books they say that the Borneans have always desired to make Moros of the Cristians, a thing that he has also heard declared by the catip (kathi), whom the said Borneans regard as priest, and who preaches the said doctrine of Mahoma. They said catip and the others with like expressions preach said doctrine of Mahoma, so that the natives observe it...”

Melihat kepada teks yang dilaporkan oleh Dr. Francisco, terdapat dua isu yang boleh dibincangkan; Pertama: Persamaan etimologi khatib dan kadhi menurut Dr. Francisco. Kedua: Persamaan kedua etimologi tersebut (khatib dan kadhi) dengan perkataan priest (paderi).

Ada beberapa kemungkinan, Pertama: Dr Francisco tidak begitu memahami perbezaan etimologi khatib dan kadhi, memandangkan terdapat juga persamaan dari segi tugas kadhi dan khatib di Brunei ketika itu. Kedua pula, Dr. Francisco melihat kepada persamaan tugas khatib, kadhi dan paderi dalam bentuk pengamalan kuat dalam beragama.

Pada tahun 1590, satu laporan Sepanyol yang dipercayai ditulis oleh Gomez Perez Dasmariñas telah menggambarkan keadaan Brunei pada ketika itu. Beliau juga mencatat mengenai tugas khatib.

“There are three kinds of religious (men) although they differ not in habit (garb) from those who are not. They call these catif (Malay-Arabic khatib = reader in the mosque). Of these three kinds of catif the major one is one alone who they say ia like a bishop; and this one they call catif basar (Malay-Arabic khatib besar = great khatib), which is to say, great religious (man). The rest whom they call catif are no more than those who have charge of preparing the mosque and saying the days of the week of circumcising when someone is circumcised...” (John S Carroll, 1982; 9-10)

Sekitar tahun 1686, etimologi Imam disebut dalam laporan Sepanyol. Laporan tersebut menyatakan bahawa Datu Imam mengetahui hal ehwal keagamaan di Brunei dan dibantu oleh tujuh orang Manteri Ugama secara ringkas. (Haji Abd Karim; 1994; 83)

Selain laporan Cina dan Eropah, etimologi Imam, Khatib, Kadhi dan Mudim juga dipercayai sudah wujud ketika zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali, seperti yang dinyatakan dalam Syair Awang Semaun (2010; 192) :

*Syarif menyuruh berbuat masjid
Serta mudim menjadi kapit
Imam empat khatibnya empat
Tiada boleh lain martabat*

*Serta menyuruh menggelar khatib
Serta diatur hukuman abid
Mudimnya empat sama syarikat
Sekalian itu hendak muafakat*

Gelaran dan jawatan Imam, Khatib, dan Mudim juga termaktub dalam Silsilah Raja-Raja Brunei (1968; 16) yang mana Imam, Khatib dan Mudim adalah dibawah kepimpinan Pengiran Temenggong. Susunan jawatan adalah seperti berikut:

- 1) Sultan
- 2) Pengiran Temenggong Sahibul Bahr
- 3) 28 Cheteria pengalasan raja-raja meloran
- 4) 28 Menteri meloran lagi kurang bangsa (Hawang-hawang Langgar)
- 5) Datu Imam
- 6) Siraja Khatib
- 7) Udana Khatib
- 8) Khatib-Khatib
- 9) Mudim-Mudim

Namun etimologi Kadhi tidak disebutkan dalam susunan jawatan-jawatan dan gelaran Manteri Ugama kecuali pada manuskrip bahagian B, yang mana gelaran ‘Siraja Khatib al-Kadhi

Berunai Darussalam' telah dianugerahkan kepada Awang Abdul Razak pada 14hb Safar tahun 1338 hijrah (Amin Sweeney; 1968; 77)

Hukum Kanun (2003; 26) juga ada menyebutkan mengenai 'Udana Khatib Imam Nuruddin' dalam fasal ke-30, namun setakat ini belum ada penjelasan lebih lanjut dari mana-mana pengkaji.

Sekitar abad ke 19, etimologi-etimologi tersebut tertulis dalam beberapa buah syair, antaranya Syair Rakis yang ditulis oleh al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh dan Syair Yang Di-Pertuan, karya Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hassanuddin menggambarkan peranan dan tugas mereka dalam negara.

Petikan Syair Rakis;

*“Mesyuarat dengan Cheteria Menteri
Serta Imam, Khatib dan Haji,
Merunding rakyat menguasai negeri,
Suoaya masyhur khabar zamani”*
Petikan Syair Yang Di-Pertuan;
*“Dato Imam Siraja Khatib,
Tuan Imam aturan tertib,
Bersama dengan Pehin Dana Khatib,
Naik ka-lapau habis maghrib”*

Sekitar abad ke 20, etimologi kadhi terus digunakan dalam jawatan-jawatan dan bangunan, seperti, Kadhi Besar, Timbalan Kadhi Besar, Mahkamah Kadhi Besar dan sebagainya sehingga Mahkamah-Mahkamah Syariah ditubuhkan.

Penutup

Etimologi ulama di Alam Melayu telah berkembang menurut bahasa dan kebudayaan masyarakat setempat. Perkembangan etimologi tersebut juga melahirkan perbezaan-pebezaan dari sukukata, sebutan dan peranan setiap etimologi. Dalam merungkai beberapa etimologi yang digunapakai seperti Imam, Khatib, Kadhi dan Mudim di beberapa buah tempat telah jelas bahawa setiap tempat ada mempunyai persamaan dan perbezaan. Ketidaktepatan penggunaan sesuatu etimologi juga boleh menyebabkan kekeliruan dan kesalahfahaman dalam memahami maksudnya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

_____. (2010). *Syair Awang Semaun (Koleksi Muzium)*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka

_____. (1979). *Shaer Yang Di-Pertuan*, Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei

_____. (2005). *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Kehakiman Negara

Amin Sweeney, P.L. (1968). *Silsilah Raja-Raja Berunai. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. Vol.41

- Anuri Furqon Hadi. (2012). Ulama Dalam Masyarakat Jakarta. *Jurnal Kasra*. vol.20. no.1.
- Dayanti F, (2017). Peran Modin Dalam Dakwah Di Masyarakat (Studi Di Desa Kelirejo Kecamatan Kangkung Kabupaten Kendal. UIN Walisongo.
- Donny Khoirul Aziz. (2013). Akulturasi Islam dan Budaya Jawa. *Jurnal Fikrah*. vol 1. No 2. Juli-Disember 2013
- Haji Asri bin Haji Puteh, (peny.). (2003). Hukum Kanun, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
- Haji Awang Mohd Jamil bin Haji Awang Umar, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr). (2013). *The Rakis Poems (Syair Rakis)*. Bandar Seri Begawan: Brunei History Centre:
- Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah
- HAMKA. (2012). *Tafsir al-Azhar*. Jilid 8. cetakan ke-8. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd
- John S. Carroll (1982). Berunai in the Boxer Codex, *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. Vol. LV
- Khairani. (T.T). *Sumbangan Lembaga Adat Alas Terhadap Pelaksanaan Syari'at Islam di Aceh*
- Khoo Kay Kim. (1991). Ulama dan Perjuangan: Suatu Perspektif Sejarah. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 3. Malaysia: Universiti Malaya
- Mohd Mustaffa bin Jusuh@ Yusoff, Marlina binti Abdullah, Syaripah Nazirah binti Syed Ager, (2017). Khitan: Satu Persoalan Khilafiyah, 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC) Shah Alam. 15hb November 2017
- Nursukma Suri. (2004). *Ulama dan Institusi Pendidikan Islam (Knowledge and Power)*.
- Robert Nicoll (E.d). (2007) *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*. Bandar Seri Begawan: Brunei Museum
- Tadkiroatun Musfirah. (2004). Perbedaan Makna Kata-Kata Bahasa Indonesia Serapan Bahasa Arab dari Makna Sumbernya. *Jurnal Diksi*. vol.11. no.1. Januari 2004
- Wan Mohd. Saghir, (T.T), Ulama Nusantara
- Yayuk Fauziah. (2010). Ulama Perempuan dan Dekonstruksi Fiqh Patriarkis. *ISLAMICA*. Vol.5. No.1. September 2010

Surat Perjanjian

Surat Perjanjian antara Sultan Abdul Momin dan Pembesar-Pembesar Negara tahun 1885